

**D.R. 14/93**

**Naskhah Sahih—Bahasa Inggeris**

**RANG UNDANG-UNDANG**

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk meminda Ordinan Kerajaan Tempatan Sabah yang berkuatkuasa di Wilayah Persekutuan Labuan sebagaimana yang diubahsuaikan oleh Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pengubahsuaian Ordinan Kerajaan Tempatan) 1984.

[ ]

**MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG** oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Wilayah Persekutuan Labuan (Pindaan Ordinan Kerajaan Tempatan) 1993 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

2. Seksyen 49 Ordinan Kerajaan Tempatan Sabah yang berkuatkuasa di Wilayah Persekutuan Labuan sebagaimana yang diubahsuaikan oleh Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pengubahsuaian Ordinan Kerajaan Tempatan) 1984, yang disebut "Ordinan" dalam Akta ini, adalah dipinda—

Pindaan seksyen 49. *Ord. Sabah 11/1961. P.U. (A) 169/84.*

- (a) dengan memasukkan selepas perkataan "town planning" dalam subseksyen (23) perkataan "and the Sewerage Services Act 1993"; dan
- (b) dengan memasukkan rujukan birai "Act ." bersempena dengan rujukan kepada Akta Perkhidmatan Pembedung 1993.

Pindaan  
seksyen 83.

3. Seksyen 83 Ordinan adalah dipinda dengan memotong perenggan (b).

Pindaan  
seksyen 97.

4. Subseksyen 97(1) Ordinan adalah dipinda dengan memotong perkataan "sewerage".

---

### HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Ordinan Kerajaan Tempatan Sabah yang berkuatkuasa di Wilayah Persekutuan Labuan sebagaimana yang diubahsuaikan oleh Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pengubahsuaian Ordinan Kerajaan Tempatan) 1984.

2. *Fasal 1* membolehkan Menteri menetapkan tarikh mula berkuatkuasanya Rang Undang-Undang ini.

3. *Fasal 2* bertujuan meminda subseksyen 49(23) Ordinan dengan memasukkan perkataan "and the Sewerage Services Act 1993" untuk memastikan pematuhan kehendak Akta tersebut.

4. *Fasal 3* bertujuan meminda seksyen 83 Ordinan dengan memotong perenggan (b) kerana ia dianggap tidak perlu.

5. *Fasal 4* bertujuan meminda seksyen 97 Ordinan dengan memotong perkataan "sewerage" kerana ia dianggap tidak perlu.

### IMPLIKAS KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U<sup>2</sup>) 1763.]